

Katakan 'tak' pada beg plastik?

Sinar 7/1/13 MS 20



Apa alternatif terbaik untuk menggantikan penggunaan plastik? Adakah mengharamkan penggunaannya atau semarakkan kesedaran aktiviti kitar semula?

Berdasarkan tinjauan, tidak keterlaluan mengatakan kempen Hari Tanpa Plastik yang dilakukan setiap Sabtu agak menyusahkan pengguna. Ia bukan omongan kosong tetapi maklum balas yang diperoleh hasil tinjauan dan pemerhatian di beberapa pasar raya besar terkemuka.

Didapati ramai yang mengadu kempen sebegini menyusahkan walaupun pada tujuan asalnya adalah untuk memelihara alam sekitar. Bagaimanapun, dalam ada yang tidak sokong masih ada pengguna sebaliknya, yang berpendapat kempen sebegini baik demi menjaga alam sekitar.

Berdasarkan maklumat di internet, plastik adalah istilah umum bagi polimer iaitu material yang terdiri daripada rantaian panjang karbon dan elemen lain yang mudah dibuat menjadi perbagai bentuk dan ukuran. Plastik dibuat dengan cara polimerisasi iaitu menyusun dan membentuk secara sambung-menyambung bahan dasar plastik yang disebut monomer.

Plastik juga mengandungi zat non-plastik yang disebut aditif. Zat aditif diperlukan untuk memperbaiki sifat plastik itu sendiri. Bahan aditif tersebut berupa zat dengan berat molekul rendah, antaranya berfungsi sebagai pewarna antioksidan, penyerap sinar ultra-violet, dan anti lekat.

Plastik juga adalah bahan sukar lupus. Ini kerana sifatnya yang sukar diurai dan mengambil masa panjang untuk lupus sehingga memakan ratusan tahun. Beg plastik yang dibuang atau dihanyutkan ke sungai dan laut boleh mendatangkan bahaya kepada kehidupan laut. Banyak laporan mengenai penyusutan dan ikan paus mati akibat termakan beg plastik.

Melihat kepada hal ini, ternyata beg plastik adalah bahan yang boleh membunuh hidupan alam tanpa disedari. Bukan setakat itu, sesetengah orang kita gemar melupuskan sampah sarap dengan membakar, bukan setakat mencemarkan alam sekitar dan ruang udara, malah sekiranya sampah sarap tersebut mengandungi bahan buangan plastik, ia boleh memberi kesan buruk kepada kesihatan manusia.

Melihat kepada keadaan ini, dapatlah dikatakan bahawa plastik adalah bahan yang boleh membunuh dalam senyap ekoran kepayahannya untuk dilupuskan dan bahan kimia yang terkandung di dalamnya.

Bagaimanapun, jika dikaitkan dengan alam sekitar pada masa hadapan, sememangnya kempen sebegini dipercayai banyak membantu. Namun, sejauh manakah pengguna dapat mempraktikkan pemeliharaan alam sekitar dalam kehidupan mereka?

Bicara Isnin kali ini membuka ruang bicara mengenai isu kesedaran penggunaan plastik untuk difikirkan bersama.

Info

Apa itu plastik?


ISTILAH plastik merangkumi produk polimer sintetik atau semi-sintetik. Ia terbentuk daripada kondensasi organik atau penambahan polimer dan boleh juga terdiri daripada bahan lain untuk meningkatkan ketahanan.



Bancian atas talian

Tarikh undian adalah pada 11 DISEMBER 2012 hingga 17 DISEMBER 2012


Amalan membeli barang menggunakan kertas sesuai di negara ini:



Sesuai
Amat sesuai
Tidak sesuai
Amat tak sesuai

Jumlah Undian: 2,464


Kempen hari tanpa beg plastik menguntungkan pihak pasar raya:



Setuju
Tidak setuju

Jumlah Undian: 2,506

Hari tanpa beg plastik setiap Sabtu sebenarnya menyusahkan pengguna:



Setuju
Tidak setuju

Jumlah Undian: 2,639